

Percubaan bahagian calon kan Ku Li gagal

BH 20 MAR 2008

KUANTAN, Ahad – Percubaan untuk mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Timbalan dan Naib Presiden Umno pada persidangan perwakilan Umno bahagian Kuantan hari ini gagal.

Tengku Razaleigh, yang dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden Umno oleh Bendahari Umno bahagian Kuantan Shahrarom Zainuddin, hanya memperoleh 65 undi manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menerima pencalonan bagi jawatan yang sama daripada ahli Jawatan-kuasa bahagian, Fauzun Abdul Samad pula mendapat 199 undi.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan sebulat suara bagi mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti Mei ini.

Di **IPOH**, pencalonan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Timbalan Presiden Umno yang dikemukakan oleh Ketua Bahagian Sungai Siput, tewas apabila lebih perwakilan memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dicalonkan oleh timbalan ketua bahagian.

Pencalonan Tengku Razaleigh yang mendapat 82 undi itu dikemukakan Ketua Umno Sungai Siput, Datuk Mohd Padil Harun, manakala

pencalonan untuk Abdullah hibawa oleh timbalannya, Ahmad Fakeh Adam, mendapat 102 undi.

Selain mencalonkan Tengku Razaleigh untuk Timbalan Presiden, Mohd Padil turut mencalonkan Dr Mahathir untuk jawatan Presiden, serta Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib untuk Naib Presiden.

Di **JOHOR BAHRU**, percubaan mencalonkan Tengku Razaleigh dibuat oleh perwakilan Cawangan Kampung Jiran Sepakat, Mohd Aris Senin dan disokong Cawangan Jalan Tampoi, Nazar Bijan.

Pengundian kemudian dijalankan secara terbuka secara angkat tangan dengan majoriti perwakilan menyokong pencalonan Dr Mahathir.

Di bahagian Gelang Patah pula, perwakilan Umno Cawangan Jalan Laksamana, Hassan Mohd Amin menamakan Tengku Razaleigh sebagai calon Presiden. Pencalonan itu disokong perwakilan Cawangan Jalan Perwira, Sarifudin Mohd Tahir.

Hasil pengundian yang dilakukan secara sulit bagaimanapun memberikan Dr Mahathir 235 undi manakala Tengku Razaleigh memperoleh 37 undi.